

03/03/1999

Cabaran mewujudkan maklumat bercorak Islam dalam era digital

Hizral Tazzif Hisham

Selepas mengalami revolusi pertanian dan industri, tamadun manusia kini sedang dilanda era digital yang akan mengubah gaya hidup, sosioekonomi, politik dan budaya masyarakat setempat.

Zaman ini menyatukan teknologi komputer, maklumat, telekomunikasi dan penyiaran menjadi satu. Dengan hanya menekan papan kekunci komputer, pengguna sudah boleh memesan barang yang dikehendaki dan membayarnya menggunakan kad kredit melalui sistem rangkaian komputer atau Internet.

Internet amat mesra pengguna kerana kandungannya boleh ditinjau melalui pelbagai enjin pencari dan perisian tertentu. Hanya berbekalkan kunci kata berkaitan maklumat yang hendak dicari, kita dapat melangkah masuk ke berpuluh, malah beratus ribu fail maklumat yang terdapat di dalam pelayan (server) di seluruh dunia.

Fail data biasanya dikumpulkan dalam pakej tertentu yang didahului dengan paparan pengenalan atau laman web. Setiap pakej fail mempunyai alamat (URL) yang mana kita boleh terus mencapai fail berkenaan jika tahu alamatnya.

Keupayaan Internet ialah komunikasi multimedia dapat dilakukan di samping setiap fail dapat berhubung antara satu sama lain (hiperlink).

Ini bermakna jika kita sedang mencari maklumat mengenai Malaysia, apa yang perlu ialah menulis kata kunci mengenai Malaysia dan fail berkenaan akan dipaparkan lengkap dengan persembahan multimedia.

Jika kita masih lagi hendak mengetahui lebih mendalam mengenai Malaysia, setiap fail itu akan dihubungkan dengan fail lain yang dapat menyediakan maklumat yang diperlukan.

Bagaimanapun, Internet mempunyai beberapa keburukan akibat salah guna oleh segelintir manusia berkepentingan dan berniat jahat.

Ada yang menyalurkan maklumat negatif bertentangan dengan agama dan budaya tempatan seperti menyebarkan ajaran yang bercanggah dengan Islam sebenar di samping terlalu banyak bahan lucah yang boleh diperolehi di laman web.

Internet menjadi alat penyebaran paling berkesan dan cekap menyampaikan berita yang tidak benar. Misalnya, penyebaran khabar angin kononnya berlaku rusuhan di Chow Kit menggunakan mel elektronik (e-mel) yang dihebahkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Berita palsu itu menyebabkan ramai warga Kuala Lumpur menjadi gempar dan panik. Ada yang bertindak membeli bahan keperluan harian untuk tujuan menyimpan manakala sebahagiannya melarang anak ke sekolah kerana bimbang keselamatan mereka.

Berita palsu yang dihebahkan itu amat berkesan untuk menimbulkan suasana kelam-kabut dan mengelirukan masyarakat hingga memaksa pihak polis bertindak pantas dengan menangkap dua disyaki terbabit dalam penyebaran berita berkenaan.

Jika dikaji kelebihan dan kekurangan Internet ternyata ia adalah medium paling berkesan untuk mencapai maklumat dan menyebarkan maklumat tanpa sebarang tapisan dan halangan.

Di sini timbul persoalan kepada kita, apa yang umat Islam perlu lakukan bagi menggunakan Internet dan revolusi maklumat untuk berjuang mempertinggikan syiar Islam?

Umat Islam tidak boleh berpeluk tubuh membiarkan orang lain menguasai revolusi yang baru bermula setelah terlepas peluang mengembalikan keagungan Islam dalam revolusi pertanian dan industri.

Untuk memasuki revolusi maklumat dan Internet kita perlu mengenal pasti cabaran yang akan dihadapi umat Islam.

Menurut Naib Presiden sektor kerajaan Mimos Bhd, Dr Mohamed Awang Lah ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk Pembabitan Masyarakat Islam Dalam Pembangunan dan Penggunaan Teknologi Maklumat di seminar Cabaran Teknologi Maklumat dan Internet: Agenda Umat Islam anjuran Institut Kefahaman Islam (IKIM) menyatakan cabaran yang dihadapi umat Islam dalam era IT ialah:

- Kekurangan aplikasi sesuai, menarik dan bermutu,
- Kecekapan ummah menguasai IT,
- Aktiviti usahawan Muslim yang terancang dan berkesan,
- Kekurangan bahan ilmiah acuan Muslim dalam ruang siber,
- Perubahan sosial berlandaskan pembudayaan IT dan komunikasi,
- Ancaman pemikiran serta budaya bercanggah dengan Islam, dan
- Prasarana belum kukuh.

Menurutnya, pada 1996 satu indeks membandingkan pembangunan IT di negara di seluruh dunia dibentuk. Indeks itu dikenali sebagai Indeks Kepentingan Maklumat (IEI).

Ia mendapati mata tertinggi dalam indeks berkenaan dimiliki Amerika Syarikat (5107 mata) berdasarkan tahap pembangunan sosial, maklumat dan pasaran komputer.

Amat menyedihkan tiada negara Islam di tangga 15 teratas. Apa yang ada hanya di peringkat pertengahan, iaitu Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dengan 1618 mata manakala Malaysia di bawah UAE dengan 990 mata, diikuti Arab Saudi (850), Jordan (695), Mesir (586) dan Indonesia (387).

Dari segi penggunaan Internet di kalangan negara Arab, UAE mencapai bilangan sebanyak 20,000 manakala negara lain kurang 3,000. Jumlah berkenaan adalah kecil jika dibandingkan Malaysia yang mempunyai lebih 150,000 pengguna.

Langkah pertama untuk membabitkan diri dengan proaktif dalam revolusi maklumat ini ialah memperbetulkan tanggapan kita mengenai sains dan teknologi khususnya teknologi maklumat (IT).

Kita perlu mengkaji dan memahami sains dan teknologi seperti yang diajarkan Allah melalui nabi dan Rasulnya, Muhammad s.a.w serta kejayaan umat terdahulu merealisasikan ajaran Islam dalam konteks sains dan teknologi.

Perhatikan bagaimana ahli sains Islam seperti Al Jabar, Al Khawarizmi dan Ibn Sina menyediakan asas kukuh dalam bidang masing-masing yang mana penemuan mereka masih digunakan hingga ke hari ini.

Kita perlu memahami maksud sains dan teknologi. Menurut Dr Sidek Baba dalam kertas kerjanya bertajuk Pembabitan Masyarakat Islam Dalam Pembangunan dan Penggunaan Teknologi Maklumat di seminar yang sama menyifatkan teknologi adalah aspek penghasilan sains yang bersifat memudahkan sesuatu, jika dihasilkan dengan niat yang betul, digunakan secara bermanfaat, boleh mensejahterakan kehidupan manusia.

Dalam konteks IT, beliau menyifatkan, teknologi perlu dilihat sebagai alat untuk mengumpul, menyimpan, memproses, menyebarkan dan menggunakan maklumat kerana ia menggabungkan bidang elektronik, perkomputeran, penyiaran dan komunikasi memberi kesan kepada cara hidup manusia.

Kesan berkenaan bukan saja meliputi bidang ilmu dan pendidikan malah mencakupi aspek ekonomi, politik, sosial dan nilai hidup.

Menurutnya, teknologi boleh diibaratkan seperti kenderaan yang memudahkan dan mempercepatkan perjalanan kita untuk sampai ke destinasi yang dituju.

Bagaimanapun, dalam Islam bahan yang diangkut itu lebih penting yang mana dalam aspek ini ialah maklumat atau kandungan. Ia seringkali menimbulkan polemik kerana maklumat yang dibawanya hingga ada yang menyimpulkan untuk menolak teknologi berkenaan kerana ia mendatangkan

banyak mudarat.

Bagi konteks pembangunan insan, IT perlu dilihat sebagai alat yang dapat menjadikan insan bermaklumat dan berilmu serta melalui maklumat yang benar ia mampu mewujudkan minda sihat dan akhlak yang tinggi.

Maklumat yang benar penting dalam pembentukan minda, hati dan tabiat. Al-Quran melalui Rasulullah SAW mengingatkan umat Islam kepentingan memeriksa dengan teliti sumber maklumat, kerana baginda bimbang ia muncul daripada orang yang fasik.

Dalam zaman mutakhir ini, IT terutamanya teknologi multimedia adalah senjata yang cukup ampuh untuk menyebarkan agenda dan dakwah Barat. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, dengan hanya menekan tetikus maklumat itu disebarkan dengan cepat kepada semua khalayak yang dapat menerimanya melalui Internet.

Umat Islam perlu menangani cabaran berkenaan dengan mewujudkan lebih banyak kandungan (maklumat) yang menerangkan kelebihan dan kebaikan Islam untuk mengimbangi pelbagai maklumat yang tidak benar.

Perisian bercorak pendidikan Islam perlu diperbanyakkan, sama ada dalam Internet atau dalam bentuk CD-ROM.

Ini bagi memudahkan umat Islam mempelajari ilmu Islam pada bila-bila masa dan di mana jua, misalnya soal jawab mengenai fardu ain boleh dibuat dalam bentuk soalan lazim (Frequently Ask Questions atau FAQ) yang mana maklumat itu diletakkan di dalam pelayan komputer yang boleh dicapai umat Islam di seluruh dunia.

Organisasi Islam di dalam dan luar negara boleh dirangkaikan antara satu sama lain menggunakan teknologi Internet dan penyimpanan data dikongsi melalui pembentukan satu bank data Islam antarabangsa.

Pembentukan jawatankuasa khas di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) atau IKIM boleh dilaksanakan bagi memastikan maklumat yang dimasukkan di dalam Internet terbukti kesahihannya.

Senarai ulama tempatan dan antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam bidang fikah, tasawuf, tauhid, hadis, Al-Quran, syariaah dan muamalat boleh diwujudkan yang mana umat Islam boleh berinteraksi dengan mereka secara dalam talian.

Kaedah perdagangan elektronik (EC) misalnya, boleh digunakan umat Islam untuk membayar zakat manakala pengesahan sesuatu dokumen berkaitan hukum atau fatwa boleh memanfaatkan tanda tangan digital yang diperakui Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC).

Dalam konteks Malaysia, sebagai antara negara Islam yang terkehadapan bersiap sedia menghadapi kedatangan era digital, negara ini menghasilkan inisiatif unik yang belum terdapat pada mana-mana negara di seluruh dunia, iaitu Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita).

MSC diwujudkan untuk membantu negara ini memasuki revolusi maklumat dengan mewujudkan industri multimedia tempatan yang mampu menghasilkan produk berciri setempat tetapi mempunyai pasaran global.

Melalui tujuh aplikasi perdana MSC, iaitu Sekolah Bestari, teleperubatan, kad pintar pelbagai guna, jaringan pengeluaran global, kelompok R&D, kerajaan elektronik dan pemasaran tanpa sempadan, orang ramai, kerajaan dan swasta akan dapat memanfaatkan kelebihan TM sebagai senjata strategik yang dapat digunakan untuk proses mendalami pengetahuan, mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti kerja.

Umat Islam daripada Pertubuhan Negara Islam (OIC) boleh bekerjasama memanfaatkan idea pembentukan MSC untuk membangunkan produk dan mengetengahkan kelebihan Islam sebagai addin berbanding agama lain serta memperhebatkan kegiatan dakwah ke arah kebenaran.

Nita adalah pelan IT menyeluruh kepada rakyat untuk membolehkan mereka

tidak ketinggalan menghadapi kedatangan revolusi maklumat. Ia mempunyai tiga matlamat utama yang saling berkait antara satu sama lain iaitu masyarakat, prasarana maklumat (infostructure) dan aplikasi.

Kedua-dua MSC dan Nita mempunyai matlamat yang boleh disifatkan sebagai mulia, iaitu mewujudkan masyarakat madani (civil society) yang mana masyarakat kaya maklumat akan dapat membuat pertimbangan lebih bijaksana berbanding mereka yang kekurangan maklumat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula mendapat pengiktirafan tertinggi anugerah teknologi maklumat Pertubuhan Teknologi Maklumat Asia Oceania (Asocio) kerana visi dan sumbangannya menjadikan IT sebagai satu budaya hidup di negara ini dan juga usaha mempromosi IT di kalangan negara di rantau Asia.

Sumbangan ini, iaitu idea MSC, Nita dan anugerah Asocio itu secara tidak langsung mengiktiraf kemampuan orang Islam menangani dan mengambil peluang yang terbentang luas dengan kedatangan revolusi maklumat untuk sama-sama bersaing dengan mereka yang bukan Islam.

Selain itu, ia akan menjadi pemangkin kepada negara Islam yang lain dan kira-kira 1.5 bilion penganut Islam di seluruh dunia untuk bersatu tenaga, menggembleng kepakaran dan sumber menggunakan potensi yang ada dalam era digital untuk sama-sama mempertingkatkan syiar Islam dan menunjukkan kepada umat lain bahawa Islam adalah addin yang mencakupi semua bidang kehidupan.

Tegasnya, keupayaan mengolah dan menyebarkan maklumat yang benar dan bermanfaat perlu menjadi agenda utama umat Islam dengan bertunjangkan kekuatan ilmu, kecanggihan ketrampilan, keteguhan akhlak dan menjadikan maklumat dan teknologinya sebagai fitrah.

Umat Islam tidak boleh lagi berpeluk tubuh membiarkan mereka tenggelam dalam era maklumat yang mana lebih banyak maklumat negatif tersebar berbanding kebaikan Islam itu sendiri.

Usaha yang konsisten perlu dilakukan untuk memperbanyakkan maklumat berkaitan Islam yang masih lagi kekurangan di peringkat antarabangsa dan menangkis serangan Barat yang anti mengenai Islam.

Sudah sekian lama umat Islam dijajah dalam bentuk fizikal dan mental tanpa dapat berbuat apa-apa walaupun mempunyai bilangan yang ramai. Kedatangan era digital memerlukan kebangkitan keimanan mereka untuk melepaskan diri daripada belenggu penjajahan.

Umat Islam mempunyai peluang membebaskan diri mereka kali ini kerana pertarungan bukan lagi di medan peperangan, sebaliknya perlu menggunakan sepenuhnya kekuatan ilmu, akal dan iman.

Jika kita gagal, kemungkinan kesan penjajahan yang akan diterima lebih hebat daripada dahulu.

(END)